

HAK SUAMI DAN NAFKAH ISTERI DALAM TEMPOH PERKAHWINAN BAGI PASANGAN YANG MENGALAMI KECELARUAN PSIKOSIS

Nadiah Mohd Zin*

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
Kolej Universiti Islam Melaka
nadiah_mohdzin@kuim.edu.my

Syazwana Aziz

Fakulti Sains Sosial
Kolej Universiti Islam Melaka
syazwana@kuim.edu.my

**Corresponding author*

Received Date: 25 September 2020 **Accepted Date:** 2 November 2020 **Published Date:** 11 December 2020

ABSTRAK

Pernikahan merupakan suatu ibadah yang menjadi tuntutan fitrah manusia dan satu keharusan di dalam Islam yang membawa kepada maksud *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Tuntasnya, setiap pasangan yang bernikah dapat mengatur kehidupan mereka dengan baik, matang dan juga saling bertanggung jawab melalui pernikahan tersebut. Gangguan mental merupakan salah satu mudarat atau *dharar* yang bertentangan dengan *maqasid* syariah iaitu dari segi pemeliharaan akal. Di mana, pasangan yang mempunyai gangguan mental ini bukanlah dari segi keresahan dan juga kemurungan mereka yang tidak boleh diubati sehingga boleh menyebabkan kematian. Tekanan mental yang dimaksudkan dalam jurnal ini adalah bila mana, fungsi dan kehidupan seseorang itu terjejas terutamanya jika masalah tersebut tidak dirawat dengan baik. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan mengenai implikasi kepada hak suami dan hak nafkah isteri daripada pasangan yang memiliki masalah ini dalam tempoh perkahwinan mereka menurut Undang-Undang Keluarga Islam. Artikel ini menggunakan metode kualitatif dengan menggunakan kajian kes yang terdahulu, perpustakaan, artikel-artikel ilmiah dan lain-lain lagi bagi merealisasikan artikel ini. Artikel ini akan merumuskan bahawa Undang-Undang Keluarga Islam memperuntukkan perlindungan serta pelaksanaan terhadap nafkah isteri dan juga hak suami kepada setiap pasangan yang mempunyai hak selepas bernikah.

Kata Kunci: Pasangan Mental, Psikosis, Nafkah Isteri, Hak Suami

ABSTRACT

Marriage is an act of worship that is a demand of human nature and a necessity in Islam that leads to the meaning of sakinah, mawaddah and rahmah. Ultimately, every married couple can organize their lives well, mature and also responsible for each other through the marriage. Mental disorder is one of the harm or dharar that is contrary to the maqasid syariah that is in terms of preservation of the mind. Where, the couple with this mental disorder is not in terms of anxiety and also their depression that cannot be cured so that can cause death. The mental stress referred to in this journal is when, a person's function and life are affected especially if the problem is not treated properly. Therefore, this article will discuss the implications on the rights of the husband and the right of alimony of the couple who have this problem during their marriage period according to Islamic Family Law. This article uses qualitative methods which use previous case studies, libraries, scientific articles and many more to realize this article. This article will conclude that Islamic Family Law provides for the protection and implementation of alimony of the wife and also the rights of the husband to each spouse who has the right after marriage.

Keywords: *Mental Partner, Psychosis, Alimony of The Wife, Husband Rights*

PENDAHULUAN

Pernikahan dalam Islam merupakan sunnah Rasulullah SAW dan tuntutan Islam di dalam memperbanyakkan umat Islam umumnya. Pernikahan yang dilaksanakan biasanya berteraskan kepada pendekatan *mawaddah, rahmah* dan *saadah*. Setiap pasangan diberikan tanggungjawab untuk mengatur kehidupan mereka secara sempurna dan baik. Walaupun begitu, tidak dapat diketahui bahawa ada di antara pasangan ini mengalami gejala psikosis seperti skizofrenia, paranoid dan kecelaruhan afektif yang pada zahirnya tidak kelihatan. A Alim Abdul Rahman dan Kamrulzaman Kamaruddin (2010) menyatakan, penyakit psikosis ini merupakan gangguan kejiwaan yang meliputi keseluruhan personaliti individu sama ada akan berlaku sementara atau berpanjangan.

Hal ini turut menyumbang kepada pernikahan yang tidak memberikan ketenangan, kegembiraan, keselamatan malahan mendatangkan keburukan serta tekanan. Tekanan ini juga akan mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan seseorang seperti mengalami penyakit mental (Nur Aidaa Mohd Ali, Faudziah Yusof & Syazwana Aziz, 2019). Perkara ini menyebabkan suami ataupun isteri yang berusaha, untuk melepaskan diri dari ikatan pernikahan mereka akibat tekanan dan desakan disebabkan oleh *syiqaq* yang berterusan dalam tempoh perkahwinan. Malahan pasangan ini mempunyai perasaan tertipu disebabkan ikatan tersebut tercipta akibat dari salah satu pasangan mengalami masalah mental yang serius tanpa mereka ketahui.

Walaupun begitu, harus diketahui bahawa hak nafkah kepada isteri yang mengalami kecelaruhan psikosis dan hak nafkah isteri daripada suami mengalami kecelaruhan psikosis, sering menjadi tanda tanya, sama ada perlu atau tidak nafkah tersebut diberi atau tidak kepada pasangan atau daripada pasangan yang mengalami kecelaruhan ini. Pasangan yang ingin berumah tangga juga perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu mengenai rumah tangga dan keluarga seperti tanggungjawab suami terhadap isteri, tanggungjawab isteri terhadap suami, tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak serta tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa dan hak-hak masing-masing (Fatimah Ali, 2016).

Tanggungjawab serta hak perlulah bergerak dengan seiring. Hak boleh dituntut jika ada tanggungjawab yang telah dilaksanakan. Sebaliknya jika tanggungjawab itu tidak terlaksana maka tiada hak yang dapat dituntut oleh pasangan di kemudian hari (Fatimah Ali, 2016). Kejahilan mengenai hal seperti ini, kebiasaannya akan menyebabkan hak serta tanggungjawab tidak dapat dilaksanakan, seterusnya akan menyebabkan rumahtangga menjadi kucar kacir. Perkara ini, menyebabkan kursus perkahwinan diwajibkan ke atas semua calon yang ingin melangsungkan perkahwinan mereka. Antara hak kepada ahli keluarga ialah anak-anak serta isteri-isteri yang dipertanggungjawabkan oleh Islam ke atas suami. Realitinya, ada ketua keluarga yang tidak sedar tanggungjawab terhadap nafkah keluarga (Fatimah Ali, 2016) lebih-lebih lagi jika pasangan atau ketua keluarga sendiri mengalami kecelaruan psikosis ini.

HAK DAN NAFKAH MENURUT KACAMATA UNDANG-UNDANG KELUARGA DAN SYARA'

Hak Nafkah Isteri daripada Suami

Menurut Fatimah Ali (2016), nafkah dari segi bahasa bermaksud mengeluarkan dan membelanjakan iaitu tiap-tiap sesuatu yang dibelanjakan oleh seseorang kepada seorang yang lain. Dari segi sudut istilah ahli fekah, nafkah bererti belanja atau sara hidup yang dikeluarkan oleh seseorang kepada orang yang layak menerima pembiayaan daripadanya seperti isteri dan anak-anak yang di bawah tanggungannya. Pemberian nafkah kepada isteri daripada suami bererti memberikan sesuatu yang menjadi satu keperluan penting oleh isteri seperti perubatan makanan, perkhidmatan orang gaji, pakaian, tempat tinggal, dan seumpamanya walaupun isteri tersebut seorang yang kaya atau berkemampuan. Selain itu, nafkah juga didefinisikan sebagai satu aspek yang melibatkan kewangan menurut Undang-Undang Keluarga (Nik Noraini, 1992). Selain itu, menurut kamus undang-undang *Osborn*, nafkah ditakrifkan sebagai "*supply of the necessaries of life for a person*" (Rohanee Machae, et. al (2015)).

Nafkah bagi seorang isteri telah diperuntukkan dalam seksyen 3(1) Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1950 (Akta 794) bagi wanita bukan Islam. Di dalam peruntukan ini, menyatakan bahawa jika mana-mana orang mengabaikan atau enggan menanggung isterinya, mahkamah boleh memerintahkan orang itu memberikan elaun bulanan bagi nafkah isterinya mengikut kadar kemampuan orang itu, sebagaimana didapati patut oleh mahkamah. Seseorang isteri itu tidak layak menerima elaun daripada suaminya jika dia hidup berzina, atau jika, tanpa apa-apa sebab yang mencukupi, dia enggan tinggal dengan suaminya seperti mana yang telah dinyatakan dalam seksyen 5(2) di bawah akta yang sama dan suaminya perlu memberikan nafkah semula jika suaminya memaafkannya. Walaupun begitu, peruntukan ini tidak terpakai kepada mereka yang menganut agama Islam, atau isterinya yang menganut agama Islam. Oleh itu, tuntutan mengenai nafkah yang dibuat mestilah di bawah peruntukan-peruntukan Akta atau Enakmen mengenai hukum syarak bagi negeri yang berkenaan seperti Seksyen 59 sehingga seksyen 65 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Akta 303, yang menerangkan berkaitan nafkah yang perlu diterima isteri dalam tempoh perkahwinan, sebab-sebab yang boleh menyebabkan tidak menerima nafkah serta penguatkuasaan mahkamah berkaitan nafkah bagi isteri.

Akta dan enakmen bagi setiap negeri, ada memperuntukkan bahawa seseorang wanita yang bersuami dengan ikatan yang sah menurut undang-undang Islam, boleh membuat satu

permohonan di mahkamah untuk mendapatkan satu perintah terhadap suaminya bagi bayaran, dari semasa ke semasa, akan apa-apa jumlah wang berkenaan dengan nafkahnya sebagaimana yang wanita itu berhak menurut hukum syarak' begitu juga setelah wanita tersebut diceraikan. Seksyen 59(1) Akta 303, memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan seseorang lelaki supaya membayar nafkah kepada isterinya (Fatimah Ali, 2016) seperti yang telah diperuntukkan di dalam akta. Seseorang isteri tidak berhak ke atas nafkah apabila dia *nusyuz*, atau enggan dengan tidak berpatutan mengikut kemahuan-kemahuan sah suaminya menurut peruntukan seksyen 59(2) dalam akta yang sama, tetapi selepas sahaja dia bertaubat maka tidaklah lagi dia menjadi *nusyuz*.

Selain itu, Islam sangat menekankan tanggungjawab suami kepada isteri dari segi pemberian nafkah dari segi zahir atau batin kepada isteri khususnya dan anak-anaknya. Ini seperti mana yang dinyatakan oleh Dr. Muhammad Zuhaili di dalam kitabnya (Zulkifli Mohamad, 2017) bahawa para *fuqaha* bersepakat kewajipan suami memberi nafkah terhadap isterinya, tanpa ada perselisihan pandangan terhadapnya.
Firman Allah SWT

﴿الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ﴾

Maksudnya: “Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka”.

(Surah al-Nisa': 34)

Dalam *al- Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, nafkah ini ialah apa yang menjadi kekuatan atau kestabilan yang diperlukan oleh seseorang manusia tanpa sebarang pembaziran. Ia dipanggil nafkah kerana ia dikeluarkan serta dihabiskan untuk tujuan keperluan asas tersebut (Zulkifli Mohamad, 2014).

Menurut Zulkifli Mohammad al-Bakri lagi di dalam bukunya, nafkah suami kepada isteri ini merupakan salah satu jenis daripada lima jenis nafkah yang utama. Ijmak' Ulama' bersepakat menyatakan bahawa suami wajib memberi nafkah kepada isterinya dengan syarat-syarat yang tertentu. Di mana, hal ini telah dinyatakan secara jelas di dalam al Quran dan juga hadis. Firman Allah SWT

﴿وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنَمِّ الرِّضَاعَةَ ۗ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾

Maksudnya: “Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu, dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu dengan cara makruf”.

(Surah al-Nisa': 233)

Daripada Jabir RA, katanya yang bermaksud

“Bertakwalah kepada Allah SWT dalam mengendalikan urusan kaum wanita. Kamu mengambil mereka dengan amanah Allah dan dihalalkan bagi kamu kemaluan mereka dengan kalimah Allah. Hak kamu yang wajib ditunaikan oleh isteri kamu ialah mereka tidak membenarkan orang yang kamu benci masuk ke tempat tidurmu. Jika mereka melakukannya, maka pukullah mereka dengan cara yang tidak menyakitkan. Kewajipan kamu pula ialah memberikan nafkah dan pakaian yang sepatutnya kepada mereka. Sesungguhnya aku tinggalkan satu perkara yang kamu tidak akan sesat selamanya, selagi kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah. ”

(Riwayat Muslim)

Syarat Wajib Pemberian Nafkah kepada Isteri

Seorang suami diwajibkan memberi nafkah kepada isterinya sekiranya isteri tersebut memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Islam seperti yang dinyatakan di dalam *Al-Fiqh Al-Manhaji* (Zulkifli Mohamad, 2014)

- i. Isteri merelakan dirinya untuk bercumbu mesra (*istimta'*), bersetubuh dengan suami dalam keadaan yang dibenarkan oleh syarak'. Jika isteri menolak permintaan suami tidak diwajibkan untuk memberikan nafkah kepada isterinya.

Jika suami ingin bermesra dan bersetubuh dengan keadaan yang diharamkan, seperti ketika di dalam *haidh* atau sakit yang memudaratkan isteri, maka keenggannya itu dalam memenuhi kehendak suaminya tidak menggugurkan tanggungjawab suami di dalam memberi nafkah.

- ii. Isteri wajib mengikut suami tinggal di tempat atau rumah yang dipilih oleh suaminya. Dia wajib tinggal di situ melainkan jika ia tidak sesuai untuk didiami dari sudut syarak' dan juga atas permintaan suami disebabkan oleh beberapa situasi (Fatimah Ali, 2016)

Menurut Fatimah Ali, jika suami tinggal di negeri yang tidak mendatangkan sebarang keburukan menurut syarak' kepada isterinya atau jika suami tinggal di sebuah rumah yang memenuhi setiap syarat -syarat yang menurut kehendak syarak', tetapi isteri tidak mahu atau menolak secara keras untuk tinggal di negeri, tempat ataupun di rumah itu, maka suami tersebut tidak wajib untuk memberikan nafkah kepada isterinya kerana perlakuan isteri tersebut dianggap nusyuz dalam Islam.

Bentuk -Bentuk Nafkah

Antara hak nafkah yang diberikan oleh suami kepada isteri ialah nafkah zahir dan juga nafkah batin (Robiatul Adawiyah Mohd, 2016). Nafkah zahir merupakan nafkah yang wajib bagi suami seperti belanja untuk makan, minum, pakaian dan tempat tinggal isteri sesuai dengan kemampuannya kerana ia merupakan ketetapan yang telah ditetapkan dalam agama (Nik Noraini Nik Badlishah, 1992). Firman Allah SWT :

﴿لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا﴾

Maksudnya: “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan”.
(Surah At-Talaq:7)

Sementara dari dalil-dalil hadis pula antaranya ialah, dari Muawiyah al-Qusyairi, berkata (Zulkifli Mohamad, 2014):

“Saya datang kepada Rasulullah SAW lalu saya bertanya, bagaimana pandanganmu Ya Rasulullah tentang isteri-isteri kami? Sabdanya: “Berilah mereka makan dari makanan yang kamu makan, berilah mereka pakaian dari pakaian yang kamu pakai, janganlah kamu pukul mereka dan jangan pula kamu buruk-burukkan mereka”.

(HR Abu Dawud)

Ayat dari surah At-Talaq dan hadis yang dinyatakan di atas menjelaskan bahawa setiap suami bertanggungjawab untuk memberi makanan, ubat-ubatan, tempat tinggal serta pakaian kepada isterinya sesuai mengikut akan kemampuannya. Suami tidak boleh memberi makanan, ubat-ubatan, tempat tinggal serta pakaian kepada isterinya lebih buruk daripada apa yang dimakan, tinggal atau dipakai suaminya. Begitu juga kadar makan dan pakai yang menjadi hak isteri diberikan mengikut kadar yang mampu diberikan oleh suaminya (Fatimah Ali, 2016). Di dalam hal ini isteri tidak boleh meminta sesuatu yang di luar kemampuan suaminya. Akan tetapi sekiranya suaminya mampu memberikannya lebih tetapi tidak diberikan maka dalam situasi ini isteri dibenarkan untuk mengambil harta suaminya bersesuaian mengikut keperluan lebih-lebih lagi jika suami bakhil (Nik Noraini Nik Badlishah, 1992).

Nafkah batin merujuk kepada salah satu cara muamalah yang baik di antara suami isteri dan begitu juga kebersamaan hubungan kelamin yang baik serta sejahtera antara suami dan isteri tersebut. Suami wajib menunaikan nafkah batin terhadap isterinya selagi dia mampu untuk menunaikannya (Zulkifli Mohamad, 2017).

Firman Allah SWT

﴿هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ هُنَّ﴾

Maksudnya: “Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka”.

(Al-Baqarah:187)

Berdasarkan kepada hadis Abdullah Ibn Amru nabi SAW telah bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya untuk Tuhan kamu terdapatnya hak, dan untuk badan kamu terdapatnya hak, dan untuk keluarga kamu terdapatnya hak, dan untuk isteri kamu terdapatnya hak dan berikanlah setiap yang hak itu haknya”.

(HR Bukhari)

Berpandukan kepada ayat dan juga hadis yang dinyatakan di atas, jelaslah bahawa seorang suami itu wajib menunaikan nafkah zahir mahupun batin ke atas isterinya semampu yang mungkin. Berdosa besar kepada sesiapa yang tidak menunaikan hak-hak yang telah diamanahkan kepada mereka seperti si suami yang tidak menunaikan nafkah batin terhadap isterinya (Zulkifli Mohamad, 2017).

Hak Suami daripada Isteri

Allah SWT memerintahkan kepada setiap wanita yang bergelar isteri untuk mentaati perintah suami dan “Dia” memberikan kepada suami hak yang sangat besar terhadap isterinya. Di dalam hidup berumah tangga, seorang isteri itu wajib untuk mentaati suaminya pada perkara yang makruf. Ini kerana, dengan ketaatan tersebut akan memudahkannya jalan untuk isteri ke syurga berdasarkan kepada sebuah hadis yang disahihkan oleh Imam Ibn Hibban: Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud,

“Jika seorang wanita menunaikan solat 5 waktu, berpuasa pada bulannya (Ramadhan), mengawal kemaluannya (maruahnya) dan taat kepada suaminya. Masuklah dia ke dalam Syurga dari mana-mana pintu yang dia kehendaki”.

(Riwayat Ibn Hibban)

Nabi SAW juga menjelaskan bahawa betapa besarnya hak tersebut sebagaimana hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi daripada Abu Hurairah RA yang mengatakan Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud,

“Jika aku boleh memerintahkan seseorang itu untuk sujud kepada seseorang, maka aku memerintahkan isteri untuk sujud pada suaminya. ”

(Riwayat al-Tirmizi)

Hadis ini juga disahihkan oleh Imam al-Hakim di dalam al-*Mustadrak* melalui jalur Mu'az bin Jabal. Hadis di atas adalah sahih dan ia tidaklah menunjukkan kebolehan seorang isteri itu untuk sujud kepada suaminya. Ini kerana, sujud hanya dibenarkan kepada Allah SWT sahaja dan tidak dibenarkan sujud kepada selain daripada Allah SWT. Akan tetapi, hadis ini menggambarkan bahawa kedudukan suami itu tinggi di sisi isteri dan isteri wajib untuk mentaati suaminya selagi mana apa yang diperintahkan itu tidak bercanggah dengan agama.

Hak-hak yang perlu dilaksanakan oleh seorang isteri kepada suami, antaranya adalah

- i. Taat kepada suami dan patuh pada nasihatnya selagi mana tidak melanggar syarak'. Isteri wajib mentaati perintah suami dan mendengar nasihat daripada suami, melainkan kepada perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak'. Seorang isteri janganlah merasakan ketaatan kepada suami suatu bebanan kerana walaupun ia merupakan satu tanggungjawab yang sangat berat untuk

dilaksanakan tetapi Allah SWT telah menjanjikan balasan yang paling terbaik kepada wanita sebagaimana sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi (Zahazan Mohamed, 2018) yang bermaksud

“Mana-mana wanita yang meninggal dunia lalu suaminya redha padanya, maka dia akan masuk syurga. ”

(Riwayat al-Tirmizi)

Selain tu, nabi SAW juga berpesan melalui hadisnya

“Perhatikanlah bagaimana hubunganmu dengan suamimu kerana sesungguhnya dialah syurga dan neraka kamu. ”

(Riwayat Ahmad)

- ii. Memelihara maruah suami dan hartanya sama ada ketika kehadirannya atau ketiadaannya. Sabda Nabi SAW yang telah diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud

“Sesungguhnya aku telah direzekikan cinta Khadijah”.

(HR Muslim)

Hadis ini merupakan kata-kata romantik yang menggambarkan rasa cinta serta kasihnya baginda SAW kepada isterinya, Khadijah R. A. Balasan cinta dan kasih sayang seorang isteri kepada suaminya atau sebaliknya adalah merupakan rezeki di dalam rumahtangga. Kita dapat melihat bagaimana Khadijah R. A telah menjadi tunggak kekuatan kepada suaminya Rasulullah SAW. Ketika mana di awal permulaan Islam, apabila suaminya berada dalam keadaan takut usai menerima wahyu yang pertama, Khadijah R. A telah menenangkan baginda dengan kata-kata dan semangat (Zulkifli Mohamad, 2014)

Di dalam hadis yang lain, Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud,

“Dunia adalah perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita yang solehah”.

(HR Muslim)

Imam al-Qurtubi di dalam *Fiqh al-Manhaji* telah menafsirkan makna wanita yang solehah dalam hadis tersebut dengan adalah wanita yang menggembirakan (suami) apabila dilihat, apabila diberi arahan dia taat, dan apabila ketiadaan suaminya dia memelihara (maruah suaminya) pada dirinya dan juga harta suaminya sama ada harta benda atau anak-anak suaminya.

- iii. Membantu suami dalam menguruskan urusan rumahtangga. Kedua-dua pihak dalam pembinaan rumah tangga memainkan peranan yang sangat penting. Hal yang pertama perlu diwujudkan adalah melakukan tanggungjawab serta kewajipan dan hak masing-masing di dalam rumahtangga. Pada waktu yang sama, perkara yang agak pentingnya bahkan itulah yang menjadikan rumahtangga sebagai rumahku syurgaku adalah salah satu bentuk pengorbanan yang besar. Suami bersedia berkorban untuk isterinya dan isteri juga perlu bersedia berkorban untuk suaminya juga. Dengan asbab itu, maka akan lahir

kasih sayang, cinta di antara pasangan seperti mana yang telah termaktub di dalam Surah al-Rum. Kesan daripada pernikahan tersebut, pasangan akan mendapat ketenangan jiwa, kasih sayang serta perlindungan daripada Allah SWT yang mana mampu melahirkan perasaan cinta dan juga kebahagiaan yang berpanjangan. Kitabullah telah mengajar serta mendidik suami untuk bergaul dengan isteri dengan cara yang baik serta berhemah samada daripada sudut adat dan yang lebih penting perlulah berlandaskan syarak’.

Firman Allah SWT

﴿وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾

Maksudnya: “Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. ”

(Surah al-Nisa’: 19)

Jumhur ulama’ berpendapat wajib atas suami berkhidmat kepada isterinya yang tidak mampu dan tidak layak untuk dia menguruskan dirinya sendiri seperti sakit atau perkara-perkara lain yang menyebabkan isteri tidak mampu melaksanakan tanggungjawabnya. Ini kerana ia seolah-olah melupakan sebahagian daripada nafkah isteri ke atas suami dan juga ulama sepakat jika sekiranya isterinya sakit atau ditimpa keuzuran sehinggakan isteri tidak mampu menguruskan diri sendiri, maka ia merupakan salah satu nafkah yang diberikan oleh suami serta peluang untuk suami berkhidmat kepada isterinya (Zulkifli Mohamad, 2017)

- iv. Tidak meninggalkan rumah tanpa izin suami kecuali darurat. Allah SWT telah pun menetapkan suami untuk mencari dan memberikan nafkah, manakala isteri pula ditetapkan supaya taat serta patuh kepada perintah suami selagi mana ia tidak melanggar syarak’ (Haslin Baharin, 2014). Para ulama’ telah memberikan banyak dalil syarak’ bagi membuktikan hal ini (Mohd Asri Zainul Abidin, 2019). Diantara hadis nabi SAW yang diriwayatkan al-Bukhari yang bermaksud

“Apabila isteri-isteri kamu meminta keizinan kamu untuk ke masjid pada waktu malam maka izinkanlah mereka”

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa isteri masih wajib untuk meminta izin daripada suaminya untuk keluar walaupun hanya pergi menunaikan solat di masjid. Jika suami tidak mengizinkan, sementara isteri juga tidak mempunyai alasan yang diiktiraf dari sisi syarak’, maka isteri tidak boleh keluar dari rumah suami tanpa izinnya. Jikalau agama memberikan kebebasan untuk isteri keluar rumah tanpa memerlukan keizinan daripada suami sebagai ketua keluarga, sudah pastilah rumah tangga tidak mempunyai nilai peraturan. Kehidupan sebagai suami isteri tidak dapat diwujudkan kerana isteri boleh berada di mana sahaja yang dia suka tanpa mengira waktu dan tidak dalam pengetahuan suami. Namun begitu, ketaatan isteri kepada suami mempunyai batasannya. Jika ketaatan itu membawa kepada menyanggahi syariat Islam maka tiada ketaatan lagi di saat itu. (Mohd Asri Zainul Abidin, 2019).

- v. Tinggal bersama suami di tempat yang disediakan. Wajib bagi seorang isteri tinggal bersama suaminya di tempat tinggal yang telah disediakan untuknya. Para isteri tidak boleh keluar dari rumah suaminya atau enggan untuk tinggal bersama suaminya melainkan dengan izin suaminya. Wanita yang keluar rumah tanpa izin daripada suaminya boleh mendatangkan fitnah dan juga syak wasangka yang boleh merosakkan keutuhan rumahtangga. Oleh sebab itu, suami mempunyai hak yang sangat besar untuk menahan isterinya agar tidak keluar dari rumah melainkan dengan izinnya.

KECELARUAN PSIKOSIS DALAM PERHUBUNGAN RUMAHTANGGA

Kecelaruhan psikosis merupakan salah satu gangguan mental yang menyebabkan seseorang itu tidak mampu untuk mengawal dirinya sendiri dan juga kegagalan fungsi sosial terhadap orang lain. Ini juga merupakan salah satu bukti terhadap halusinasi dan delusi. Kecelaruhan psikosis boleh berlaku dengan atau tidak dengan bahan organik seperti ubat-ubatan (Townsend, 2007). Gangguan mental atau jiwa adalah satu sindrom atau pola tingkah laku seseorang yang berkaitan dengan gejala penderitaan atau kehibaian (*distress*) atau kecacatan (*impairment/disability*) dalam satu atau lebih fungsi yang penting daripada manusia dengan peningkatan risiko untuk mengalami kehilangan kebebasan, kesakitan, kecacatan, mahupun kematian (Mohd Nasir, 2012). Kegagalan fungsi tersebut dalam bentuk psikologi serta biologi dan gangguan itu tidak semata-mata terhadap dirinya, tapi juga kepada orang sekelilingnya. Gangguan jiwa ini sangat berkait rapat dengan beberapa faktor antaranya ialah faktor genetik, struktur otak, fungsi saraf, hormon, pengambilan ubat-ubatan, gangguan bahan kimia di dalam otak, gangguan emosi, trauma atau sejarah hidup yang getir, hubungan dia dengan orang lain, faktor pralahiran yang memberi kesan kepada janin semasa masih dalam kandungan ibunya di mana apa yang dialami oleh ibunya akan mempengaruhi pembentukan personaliti bayi yang dilahirkan (Che Zarrina Sa'ari, 2001) dan juga dari segi faktor sosio-ekonomi yang rendah.

Ketidakfungsian mental ini akan menjejaskan perhubungan pasangan suami isteri dan menyebabkan tiada keharmonian serta berlaku sikap kurang bertanggungjawab terhadap nafkah pasangan. Menurut Ester Lianawatu (2011), apabila salah seorang pasangan yang mengalami kecelaruhan psikosis akan menyebabkan berlaku gangguan jiwa seperti mempunyai perasaan hilangnya kemampuan diri, ketakutan, tidak percaya dengan diri sendiri, hilang minat untuk merawat diri sendiri, suka bersendirian, tidak mahu berhubung dengan orang lain, aktiviti hariannya terganggu seperti tidak memberi fokus yang akhirnya menyebabkan pasangan mempunyai perasaan hilang sabar jika tidak memahami situasi kecelaruhan psikosis tersebut.

Harus diketahui bahawa setiap penyakit pasti mempunyai ubatnya kecuali mati. Walaupun di dapati, bahawa, penyakit mental ini merupakan gejala yang agak sukar untuk dibendung kerana ia berpunca dari masalah-masalah yang kadang kala bukanlah daripada orang itu sendiri tetapi berpunca daripada pihak luar. Kemajuan dalam bidang perubatan moden telah membolehkan penemuan ubat-ubat yang lebih berkesan di dalam merawat penyakit mental. Di mana, ubat-ubatan yang kebanyakannya digunakan bagi sesi rawatan untuk merawat penyakit mental mengambil tempoh masa yang agak lama sebelum dapat dilihat kesan positifnya. Kesabaran meneruskan pengambilan ubat secara konsisten amat digalakkan kepada mereka yang mengalami gejala ini. Selain pengambilan ubat psikotropik, pendekatan sokongan seperti kaunseling, psikoterapi, terapi kognitif, terapi berkelompok,

pendidikan psikologi, terapi pemulihan cara kerja dan pemulihan psiko-sosial telah terbukti sama pentingnya (Mazni Mat Junus, 2013) selain sokongan daripada orang terdekat atau terapi keluarga seperti suami, isteri, anak-anak, ibu bapa dan juga adik beradik.

Persoalannya, adakah isteri atau suami yang mengalami gejala ini mesti diberikan nafkah kerana penyakit yang dialaminya yang kadang kala mengganggu gugat tanggungjawab isteri kepada suami, dan adakah suami yang mengalami gejala ini juga wajib memberikan nafkah jika mengalami penyakit ini, yang kadang kala mengganggu gugat tanggungjawabnya sebagai seorang suami? Berikut merupakan jadual yang menerangkan perbezaan sedikit sebanyak berkaitan hak dan tanggungjawab suami isteri normal dengan suami dan juga isteri psikosis yang terganggu akibat dari penyakit psikosis ini.

Tanggungjawab Suami	Suami Psikosis		Suami Normal
	Mampu	Tidak Mampu	
Makanan dan kewangan	/	/	/
Pakaian	/	/	/
Seksual	/	/	/
Pergaulan dan layanan yang baik	/	/	/
Tempat tinggal	/	/	/
Kasih sayang	/	/	/
Keselamatan	/	/	/

Jadual 1.0: Perbezaan berkaitan hak dan tanggungjawab suami normal dengan suami psikosis

Tanggungjawab Isteri	Isteri Psikosis		Isteri Normal
	Mampu	Tidak Mampu	
Taat kepada suami dan patuh pada nasihatnya selagi mana tidak melanggar syarak'	/	/	/
Memelihara maruah suami dan hartanya	/	/	/
Seksual	/	/	/
Pergaulan dan layanan yang baik	/	/	/
Menguruskan urusan rumahtangga	/	/	/
Kasih sayang	/	/	/
Keselamatan	/	/	/
Tidak meninggalkan rumah tanpa izin suami kecuali darurat	/	/	/
Tinggal bersama suami di tempat yang disediakan	/	/	/

Jadual 1.0: Perbezaan berkaitan hak dan tanggungjawab isteri normal dengan isteri psikosis

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN NAFKAH ISTERI DAN HAK SUAMI DALAM TEMPOH PERKAHWINAN

Penggubalan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia yang majoritinya penduduk Islam bermula apabila banyak rungutan berkaitan ketidakadilan serta ketidakpuasan hati daripada

kaum wanita, terutama yang berkaitan dengan hal ehwal kekeluargaan. Tidak ketinggalan juga daripada kaum suami yang merungut berkaitan dengan tanggungjawab isteri yang tidak dilaksanakan oleh isteri terhadap hak suami yang sepatutnya seorang suami terima daripada isterinya. Keadilan tidak hanya diberikan kepada wanita sahaja tetapi juga kepada para suami yang berkaitan dengan poligami, nafkah serta hak, perceraian dan juga hak selepas perceraian. Kesemua pembaharuan di dalam peruntukan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia adalah untuk memastikan seseorang isteri dan juga suami tidak teraniaya dan hak mereka juga terbela oleh undang-undang (Syh Noorul Madihah Syed Husin, 2014).

Menurut Syarifah Noorul Madihah lagi dalam penulisannya, hampir 100 tahun sudah usia pembaharuan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, banyak isu-isu yang telah berbangkit kesan daripada pelaksanaan undang-undang tersebut. Setiap isteri di Malaysia khususnya masih lagi menghadapi masalah untuk mendapatkan hak mereka meskipun peruntukan yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam telah diperbaharui sama juga seperti suami. Hal seperti suami tidak menjalankan tanggungjawabnya dalam memberikan nafkah zahir dan juga batin dalam tempoh perkahwinan, lebih-lebih lagi jika suami tersebut mengalami psikosis juga pada isteri yang tidak menjalankan hak suami dalam tempoh isteri mengalami penyakit ini. Psikosis ini seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, adalah satu penyakit yang mana seseorang itu tidak dapat menilai serta membezakan antara realiti dan juga fantasi, yang mana seseorang yang mengalami penyakit seperti ini mampu untuk menghidupkan sesuatu yang tiada, serta mampu mendengar suara-suara ghaib. Harus juga diketahui, bahawa orang yang mengalami penyakit psikosis ini, mampu melaksanakan tanggungjawab mereka jika mereka di dalam keadaan yang normal, tetapi mereka juga boleh dengan cepat berubah sikap serta peranan dalam tempoh beberapa saat jika tekanan yang mereka rasa terlalu berat.

Di dalam peruntukan undang-undang di Malaysia, kebanyakan peruntukan adalah secara jelas menerangkan sesuatu perkara itu seperti contoh nusyuz akan berlaku jika seorang isteri meninggalkan rumah suaminya tanpa izin daripada suaminya, dan peruntukan ini kebanyakannya terpakai kepada isteri yang normal dan faham akan tindakannya. Berbeza kepada isteri yang mengalami psikosis. Selain itu, bagi isteri yang tidak mendapatkan nafkah yang telah diperuntukkan dalam undang-undang oleh suami juga telah dijelaskan di dalam akta atau enakmen juga terpakai kepada suami yang normal bukan kepada suami yang tidak normal. Menurut, pembantu syariah di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka, Ruhaya Ismail, isteri psikosis ini merupakan satu perkara yang sukar untuk dinilai oleh mahkamah jika dia tidak mendapatkan rawatan kerana mereka beranggapan bahawa mereka dalam keadaan normal. Hal ini juga, berlaku kepada suami jika suami itu bukan mengalami psikosis akibat daripada pengambilan ubat-ubatan terlarang seperti dadah. Seandainya, isteri atau suami tersebut mendapatkan rawatan, kebiasaannya pihak mahkamah akan memberikan waktu kepada mereka untuk memulihkan diri mereka sepanjang sesi rawatan tersebut, dan mereka juga mempunyai hak jika mereka telah sembuh.

Walaupun, peruntukan undang-undang, juga memberikan kebenaran kepada suami atau isteri untuk membubarkan pernikahan mereka jika mereka merasa terbeban dengan pernikahan tersebut. Hadis riwayat Abu Dawud, Ibn Majah dan al-Hakim meriwayatkan daripada Ibn Umar RA (Zulkifli Mohamad, 2019) yang bermaksud,

“Perkara halal yang amat dibenci oleh Allah ialah talak.”

(HR Abu Dawud, Ibn Majah, al-Hakim)

Seksyen 47, perceraian dengan talak atau dengan perintah dalam Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, menerangkan dengan jelas di dalam subsekyen 15 (d) dan (e) di mana suami atau isteri mengatakan bahawa pasangan mereka sedang mengidap penyakit mental yang tidak boleh diubati serta mahkamah beruas hati bahawa ada perkara yang luar biasa yang menyebabkan rujukan kepada satu jawatankuasa pendamai tidak boleh dilaksanakan. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 juga menerangkan hal yang sama di dalam seksyen 53 iaitu perintah untuk membubarkan perkahwinan dan fasakh di dalam subseksyen (1)(f) bahawa suami atau isteri telah gila selama tempoh dua tahun tanpa sembuh.

Walaubagaimanapun, pernikahan merupakan satu ikatan dan kepercayaan yang utuh di antara seorang suami dan juga isteri. Hal ini seperti yang dimaklumkan sebelum ini, penyakit mental boleh dirawat dan pulih secara penuh dengan rawatan yang khusus serta perhatian daripada pasangan masing-masing. Perkara ini menunjukkan bahawa pasangan sama ada suami atau isteri memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu pasangan masing-masing untuk sembuh dan hidup seperti keluarga normal. Hal ini juga disahkan oleh Mary C. Townsend, pakar psikiatri dan sakit mental, di dalam bukunya '*Psychiatric Mental Health Nursing*', di mana, setiap pesakit yang mengalami psikosis mempunyai peluang untuk sembuh jika setiap organisasi swasta dan kerajaan, orang sekeliling terutamanya orang yang paling disayangi oleh pesakit dan juga persekitaran pesakit mampu menyembuhkan pesakit apabila setiap dari mereka memainkan peranan disertakan dengan rawatan susulan kepada pakar secara berterusan.

PENUTUP

Undang-undang Keluarga Islam Malaysia telah menjaminkan hak isteri dan juga hak suami sejak mula mendirikan pernikahan antara suami dan isteri, (Syh Noorul Madidah Syed Husin, 2014) bahkan hak tersebut terus diutuhkan semasa dan juga selepas berlakunya pembubaran perkahwinan. Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan jaminan perlindungan dan penyelesaian (Fatimah Ali, 2016) berkaitan nafkah isteri dan hak suami bagi pasangan yang mengalami tekanan mental dalam tempoh perkahwinan. Isteri atau suami yang berhadapan dengan masalah gejala psikosis ini mempunyai hak dalam menerima nafkah serta tanggungjawab daripada pasangan mereka seperti mana yang telah ditetapkan dalam syarak dan juga undang-undang keluarga Islam. Walaupun begitu pihak isteri dan juga suami yang sihat dari segi mentalnya, masih lagi diberikan hak untuk membubarkan perkahwinan mereka jika keadaan pasangan yang mengalami gejala ini tidak dapat diubati lagi atau tidak betah bertahan dengan pasangan yang masih dalam tempoh rawatan.

RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim. (2014). *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Lexis Nexis, Sincere Service Centre Sdn Bhd.
- Ab Alim Abdul Rahim & Kamarulzaman Kamaruddin. (2010). *Psikologi Bilazim*. Selangor. Utusan Publication & Distributor.
- Ahmad Nazri Mohd Yusof. (2020). *Nafkah tak luput walaupun isteri kerja*, Wadah Pembaharuan Berita Harian (17 September 2020)

- Che Zarrina Sa'ari. (2001). *Jurnal Penyakit Gelisah (Anxiety Al-Halu') Dalam Masyarakat Islam Dan Penyelesaiannya Menurut Psiko-Spiritual Islam*. Jurnal Usuluddin, Bil 14 [2001] 1-22. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ester Lianawati. (2011). *Penjabaran dampak-dampak psikosis kekerasan dalam rumah tangga (pasal 7 UU Penghapusan Kekerasan dalam Rumah Tangga (UU P-KDRT). Dampak Psikosis Kekerasan Dalam Rumah Tangga*. Fakultas Psikologi UKRIDA Jakarta. https://www.researchgate.net/publication/341077987_Dampak_Psikis_Kekerasan_Dalam_Rumah_Tangga . 7 Disember 2020.
- Fatimah binti Ali. (2016). *Nafkah Isteri Bekerja: Antara Hukum Dan Realiti*. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016. 22 & 23 November 2016.
- Haslin Baharin. (2014). *Haram keluar rumah tanpa izin suami*. Kuala Lumpur: Harian Metro. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2006). *Jenayah Keganasan Rumah Tangga*, Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Jeffrey S. Nevid, Spencer A. Rathus, Beverly Greene. (1994) *Abnormal Psychology in a changing world. Second Edition*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Mary C. Townsend. (2007). *Psychiatric Mental Health Nursing*. Fifth Edition. India: Jaypee Brothers Medical Publisher (P) Ltd.
- Mazni Bt. Mat Junus. (2013). *Penyakit Mental dan Perkahwinan*. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). <https://www.moh.gov.my/>
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2019). *Hukum isteri meninggalkan rumah suami kerana mudarat*. Perlis: Mufti Negeri Perlis.
- Mohd Nasir bin Abdul Kadir. (2012), *Penyakit Mental*, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). <https://www.moh.gov.my/>
- Nik Noraini Nik Badlishah. (1992). *Undang-Undang Keluarga: Nafkah Dan Hak-Hak Kewangan Lain*. Cetakan Pertama 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nur Aidaa Mohd Ali, Faudziah Yusof, Syazwana Aziz. (2019). *Faktor-faktor penyebab penyakit skizofrenia: satu kajian kes*. Malaysian Journal of Social Science. 4(1): 68-79.
- Nur Heni. (2017). *Kesehatan Mental Perspektif Zakiah Daradjat*, Jurusan Pendidikan Agama Islam (PAI) Fakultas Tarbiyah Dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri (Iain) Salatiga. Indonesia: Institut Agama Islam Negeri Salatiga.
- Ponnusamy Subramaniam, Shazli Ezzat Ghazali. (2010). *Psikologi Kehibaan*, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robiatul Adawiyah Mohd. (2016). *Hak-Hak Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah*. Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, (USIM).
- Rohanee Machae Abdul Basir Mohamad & Mutsalim Khareng (2015), *Children Maintenance: The Rights in Islamic Family Law and the Law of Thailand*, National University of Malaysia, Malaysia (UKM). Selangor: UKM.
- Ruhaya binti Ismail. (2020). *Keputusan Mahkamah dalam menentukan kes-kes yang melibatkan masalah mental*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka. Temu bual 30 Oktober.
- Sapora Sipon, Khatijah Othman, Othman Abdul Rahman. (2013). *Stres Punca, Teori, dan Pengurusan Efektif*, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia,
- Syh Noorul Madidah Binti Syed Husin, (2017), *Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Menurut Perspektif Syariah*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Utusan Malaysia Online. (2014) *Jenayah Aniaya Isteri*.

- Zahazan Mohamed, (2018). *Depan Saya Dia Garang*, slot Addin. Harian Metro.
- Zanariah Dimon. (2018). *Tekanan Mental Dalam Perkahwinan Dan Penyelesaiannya Menurut Undang-Undang Keluarga Islam*, 4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2018).
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri, (2014), *Al-Fiqh al- Manhaji*, Cetakan Kedua, Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2017). Mengemas rumah tanggungjawab suami atau isteri?. Kuala Lumpur: Mufti Wilayah Persekutuan (MAIWP).
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri, (2017). *Hukum menunaikan nafkah batin*. Kuala Lumpur: Mufti Wilayah Persekutuan (MAIWP).
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2019) *Wajibkah cerai isteri ikut kehendak ibu*. Kuala Lumpur: Mufti Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Rujukan Statut

- Malaysia. (1950). Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 (disemak 2017). (Akta 794).
- Malaysia. (1984). Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan). (Mengandungi Pindaan Terkini - P. U. (A)247/2002). (AKTA 303).
- Melaka. (2002). Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002. (Enakmen 12 Tahun 2002)